

TALKING POINT
YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN
MENTERI BELIA DAN SUKAN

SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN *PANEL OF EXPERTS*
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

19 MAC 2021 (JUMAAT)
9.30 PAGI
LE MERIDIEN HOTEL, PUTRAJAYA

Bismilahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh dan salam sejahtera.

< SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN >

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, marilah kita merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini menghadiri **Majlis Penyerahan Lantikan *Panel of Experts* Kementerian Belia dan Sukan.**
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan yang sudi menerima pelawaan dan pelantikan KBS sebagai barisan yang kita kenali sebagai ***Panel of Experts***.
3. Ada beberapa wajah yang saya sempat kenali dan pastinya juga ada muka-muka baharu yang saya *looking forward to get engaged oftenly* dalam soal belia dan sukan ini.

4. Saya amat mengharapkan panel yang kita bentuk ini; **gandingan mereka yang berpengalaman; diperkuatkan pula dengan sebahagian tenaga-tenaga muda**; dapat memberikan “sumbangan yang bermakna” kepada pihak kami di Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

COVID-19 DAN IMPAK TERHADAP BELIA DAN SUKAN

YBhg Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan,

5. Seperti mana kita sedia maklum, sejak setahun yang lalu, kita telah melalui satu fasa yang cukup tidak terduga apabila diuji dengan penularan COVID-19.
6. Tahun ini merupakan tahun yang cukup mencabar buat kita semua. Pandemik COVID-19 yang melanda telah menyebabkan landskap ekonomi global berada di dalam keadaan yang cukup tidak stabil.
7. Kesannya, kita dapat rasakan secara fizikal with our own bare eyes. Sektor ekonomi yang terpaksa ditutup, hampir lumpuh akibat *the great lockdown all around the world*. **International Monetary Fund (IMF)** menggambarkan keadaan ini sebagai ***The Great Lockdown: Worst Economic Downturn Since the Great Depression!***
8. **World Bank** pula menyatakan bahawa *COVID-19 to plunge global economy into worst recession since World War II*. Begitulah penanganan COVID-19 yang telah menjadi **the Game Changer** kepada landskap dunia khususnya ekonomi dan sosial masyarakat.
9. Lantaran itu, dalam tempoh 12 bulan sejak Mac tahun lalu, kita dapat lihat **angka dan petunjuk ekonomi merekodkan penurunan** yang mendorong peratusan **kadar pengangguran meningkat hingga 5.3 peratus pada Mei 2020, menjadi yang tertinggi sejak 27 tahun lalu** sehingga terkini, pada kadar 4.9 peratus.

10. Pastinya juga, ia memberi kesan yang cukup besar kepada stakeholder KBS ini, iaitu belia, komuniti sukan malah industri sukan secara keseluruhannya.
11. Sebab itulah, dalam melihat *way forward* kesan COVID-19 ini, saya telah memberi penekanan **terhadap lima (5) kelompok belia** yang saya kategorikan sebagai **Belia Resah** iaitu:
 - (i) **Belia yang khuatir mereka akan kehilangan pekerjaan.**
 - (ii) **Belia yang “menanti” untuk memasuki alam pekerjaan.**
 - (iii) **Belia yang terlibat dalam sektor keusahawanan.**
 - (iv) **Belia yang terlibat di dalam sektor gig/informal economy.**
 - (v) **Belia yang termasuk dalam Not in Education, Employment and Training (NEET).**
12. Belia kita ini ada di antaranya kehilangan pendapatan, kurang pendapatan dan ada juga yang terpaksa menerima hakikat kehilangan pekerjaan.
13. Memastikan lebih banyak pekerjaan dapat diwujudkan sememangnya menjadi agenda utama kerajaan. KBS menjadi anggota kepada **Majlis Pekerjaan Negara (NEC)**. Satu platform yang paling tinggi; dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri untuk melihat aspek ini.
14. **KPI** kita tahun ini – mewujudkan **500,000 peluang pekerjaan**. **YAB PM** sebut sewaktu ucapan **Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)**, setakat Februari – **66 ribu peluang** pekerjaan telah dapat diwujudkan.
15. Mungkin ada kalangan mereka yang hadir di sini membaca buku bertajuk “**Economic Dignity**” (penulis buku, bernama Gene Sperling ini merupakan Chief White House Economic Advisor, sewaktu Presiden Clinton dan Barack Obama). Antara pandangan penting buku ini ialah keperluan kita membawa idea dan gagasan “*economic justice*” (keadilan ekonomi).

16. Apa dia "**the three pillars of economic dignity**" yang disebutkan di dalam buku ini: -
- i) **Kemampuan untuk menyara keluarga** (ability to care for family);
 - ii) **Kapasiti untuk mengejar potensi diri** (capacity to pursue potential);
 - iii) Dan ketiga, **kemampuan untuk menyumbang dan terlibat dalam sektor ekonomi** (ability to contribute and participate in economy);
17. Apa makna angka GDP hebat; metrik makro ekonomi yang membanggakan; jika rakyat tidak dapat menyediakan makanan di atas meja – "*no food on the table*", kerana tidak mempunyai "pekerjaan" yang *decent* dan wajar. Saya berpandangan, kerajaan hari ini, sangat komited dalam aspek mewujudkan peluang pekerjaan ini. This is exactly what we are striving for.
18. Untuk makluman, dalam menangani cabaran-cabaran yang dialami oleh belia ini, KBS selaku *the flag bearer of youth*, kita telah melaksanakan satu pendekatan *integrationist* melalui inisiatif Kolaborasi Rentas Kementerian.
19. KBS ambil peranan "mengetuk" ke hampir 17 buah Kementerian yang mempunyai program dan peranan khusus belia dan Alhamdulillah, beberapa inisiatif telah dapat dilaksanakan seperti:
- (i) **SKIM PERANTISAN NASIONAL** – dengan kerjasama KKR dan KSM dan kini diangkat sebagai salah satu inisiatif Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM250 juta. Perantis diberi RM1,000 selama tiga bulan dan RM4,000 untuk tujuan latihan bersama majikan.
 - (ii) **SISTEM MYBELIA** – *single-landing page* atau *one-stop centre* portal khusus untuk belia. Belia boleh mendapatkan maklumat dan peluang-peluang yang disediakan oleh KBS serta pelbagai agensi/Kementerian merangkumi Peluang Pekerjaan, Peluang Penciptaan Pekerjaan, Latihan dan Kemahiran serta Dana dan Kemudahan.

- (iii) **MYPRENEUR** – program keusahawanan dan penciptaan pekerjaan untuk belia. *We want youth to be job creator rather job seeker.* Kerjasama awal telah dimulakan bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Kerjasama MYPRENEUR ini diperluaskan dengan beberapa Kementerian seperti MEDAC, MAFI, KWP dan KPLB.
20. Begitu juga dalam aspek sukan, kita memahami impak mendalam COVID-19 ini yang sama ada impak psikologi rakyat untuk keluar bersukan mahupun impak ekonomi para pemain industri sukan.
21. *I know and understand the situation very much.* Saya berkesempatan untuk turun ke lapangan dan melihat keadaan yang sukar kepada semua berkait dengan sektor sukan ini.
22. Setiap kali pelaksanaan Perintah Kawalan dilaksanakan, sektor sukan pasti menerima tempasnya.
23. Pasukan KBS juga sentiasa bersedia menghadapi *battle and struggle* untuk memastikan sektor sukan dan rekreasi tetap dapat dilaksanakan dalam apa jua keadaan.
24. **KBS juga mengambil pendekatan yang cukup cermat** khususnya melibatkan pelaksanaan SOP supaya kita dapat memberi ruang dan kelonggaran dalam persekitaran yang selamat untuk semua.
25. Alhamdulillah, **pendekatan kita ini berjaya meyakinkan Kerajaan dalam Mesyuarat MKN** sehingga kita dapat membawa penonton ke stadium seperti mana diumumkan oleh YB Menteri Pertahanan semalam.
26. Oleh sebab itulah, meskipun berhadapan dengan cabaran-cabaran ini, Alhamdulillah pasukan KBS dapat melaksanakan beberapa **inisiatif yang sedikit sebanyak dapat mengurangkan keresahan para belia dan penggiat sukan kita.** Antaranya:

- (i) **INISIATIF PRIHATIN SUKAN** – dana sebanyak RM10 juta kepada Persatuan Sukan bagi bantuan pengurusan, bantuan menjalankan program dan aktiviti bagi persatuan sukan serta bantuan program pendigitalan dan R&D.
- (ii) **SKIM PEMBIAYAAN INDUSTRI SUKAN** – dana RM20 juta disediakan melalui skim pembiayaan mudah yang diperkenalkan di dalam Belanjawan 2021 khusus untuk membantu pemain industri sukan. Ia dilaksanakan dengan kerjasama MEDAC melalui TEKUN dan Bank Rakyat.

PANEL OF EXPERTS KBS

YBhg Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan,
Hadirin yang dihormati.

- 27. KBS menyedari bahawa untuk kita *pave the way forward* bagi belia dan sukan, kita perlu buka ruang dan minda terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling kita.
- 28. Setiap daripada kita ada kekangan dan limitasi masing-masing. Saya juga ada limitasi. Begitu juga dengan KBS sebagai organisasi.
- 29. Limitasi ini berlaku dalam pelbagai bentuk. *The changes happening so fast and we are compelled to the changes*. Perubahan ini **meliputi soal kesalinghubungan yang cukup tinggi (hyper-connectivity), teknologi, geo-politik dunia, civil movement dan pelbagai lagi.**
- 30. Saya ingin ambil contoh – **Dasar Belia Malaysia 2015-2035** yang dilancarkan pada 2015 semasa YB Khairy Jamaluddin sebagai Menteri KBS.
- 31. Dalam tempoh beberapa bulan sahaja selepas dilancarkan, dunia mula bercakap tentang Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dan ia tidak tercerap di dalam dokumen DBM tersebut.

32. Begitu juga dengan **Dasar Sukan Malaysia yang digubal pada 2009** semasa YB Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek sebagai Menteri KBS.
33. Dalam tempoh lebih sedekad, pastinya pelbagai elemen di dalam sukan telah mengalami evolusi yang cukup ketara.
34. **Ledakan teknologi dan perkembangan industri** menjadi dua faktor utama yang boleh menyebabkan kita ketinggalan sekiranya tidak *catch up to the pace*.
35. Justeru, perkumpulan Panel of Experts ini saya perkenalkan sebagai satu **bridge and optic** untuk memberi nasihat, pandangan, panduan secara konstruktif bagaimana KBS boleh memainkan peranan yang lebih efektif lagi.
36. Justeru saya mohon kepada Team KBS, mengambil *blissing in disguise* penularan COVID-19 ini agar kita dapat **relook, rethink, revisit and review** Dasar-Dasar yang kita ada sebelum kita melangkah lebih jauh lagi.
37. Untuk itu, saya gagaskan **Visi Sukan Negara 2030** dan **Model Baharu Pembangunan Belia** untuk dibangunkan sebagai satu **guide, roadmap dan true north** kita dalam merangka apa jua strategi, inisiatif dan gerak kerja ke hadapan.
38. *We are talking about the new environment and ecosystem of the world post COVID-19 pandemic. We must be quick and responsive.*
39. **Pertama, ia mesti berteraskan agenda perdana Kerajaan** seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta agenda Sustainable Development Goals 2030.
40. Ini merupakan Kanvas Besar yang melatari jajaran hala tuju kita untuk sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang dengan tiga (3) objektif utama – **Pembangunan Untuk Semua, Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan** serta **Negara Bersatu, Makmur dan Bermanuah.**

41. **Kedua, ia mesti berteraskan data dan angka.** *Data is the new oil of the world today.* Saya lihat masih ada jurang yang besar dalam mendapatkan data yang tepat untuk belia dan sukan.
42. Dalam sektor sukan sebagai contoh, kita sedang memperkemas gerak kerja untuk mewujudkan Akaun Satelit Sukan bersama DOSM. Saya dimaklumkan *indicative figure* pendapatan melibatkan industri sukan bernilai lebih RM100 bilion atau 7-8% daripada GDP tapi not properly accounted seperti pelancongan.
43. Dalam soal belia pula. **Belia NEET, Not in education, employment and training.** Mereka ini ada tetapi menjadi *blindspot* kepada kita. Di negara seperti UK dan Australia, mereka mempunyai data khusus untuk kumpulan NEET ini. Namun masih belum ada data khusus di Malaysia yang membolehkan kita melaksanakan *specific measures* untuk membantu mereka.
44. **Ketiga, ia melibatkan keterangkuman atau inclusivity.** Kita bercakap soal meraikan kepelbagaian yang ada. *No one should be left behind* dalam agenda kita bersama ini.
45. Saya suka bercakap soal pendemokrasian sukan yang sebenarnya merupakan fundamental kepada *rights of the people*. Sebab itulah dalam perancangan RMK12, saya mahu soal pembangunan dan soal akses kepada kemudahan sukan diberi keutamaan oleh KBS lebih-lebih lagi kepada negeri seperti Sabah dan Kelantan.
46. **Keempat,** ia dapat membuka peluang-peluang baharu untuk diterokai baik untuk belia mahupun sektor sukan keseluruhannya.
47. Kita bercakap dalam soal ekonomi digital dan *new invention of technology* – Internet of Things (IoT), Cloud computing, Artificial Intelligence malah ada juga *conversation* yang telah mula bercakap tentang IR 5.0.
48. eSports merupakan antara *untapped market* dan peluang baharu yang boleh dimanfaatkan oleh belia. Ekosistem eSports di negara

kita kini mempunyai lebih kurang 20.1 juta gamers yang membelanjakan kira-kira RM2.768 bilion untuk “game”.

49. Peluang ini akan turut meliputi soal ***new wealth creation*** melalui **pembangunan aplikasi permainan, pembangunan sistem, penganjaran pertandingan** dan sebagainya.
50. Justeru kita ingin lihat bagaimana perkara-perkara ini dapat membuka peluang dan boleh dimanfaatkan oleh belia serta komuniti sukan secara lebih strategik dengan penglibatan Kerajaan dan pihak swasta.

HARAPAN DAN PENUTUP

YBhg Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan,
Hadirin yang dihormati.

51. Harapan saya supaya barisan Panel of Experts ini dapat memberi pandangan yang konstruktif dan kepakaran yang dapat memberi manfaat kepada rakyat dalam aspek belia dan sukan.
52. Malah, barisan Panel of Experts ini juga boleh menjadi **mata dan telinga KBS** serta **promoter kepada KBS**.
53. *Tell us* apa yang kita boleh tambah baik *and say about us* sekiranya apa yang kita lakukan, memberi manfaat kepada rakyat.
54. Saya dapat lihat barisan Panel of Experts yang ada di hadapan ini cukup dinamik lebih-lebih lagi akan dipandu oleh seorang yang cukup saya hormati, **YBhg Tan Sri Borhan Dolah, mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** yang juga pernah berkhidmat di KBS selaku Timbalan Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara.
55. Thank you Tan Sri. Welcome home.

56. Begitu juga yang lain. Saya dah baca profil masing-masing. Bukan calang-calang orangnya.
57. Moga-moga usaha kita ini dimulakan dengan langkah yang baik dan memberi hasil yang cukup baik untuk kita semua.
58. Dengan kata-kata itu, saya akhiri ucapan ini dengan lafaz yang mulia, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.